



KAYAK

1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut undang-undang Persekutuan Kenu Antarabangsa (ICF) yang berkuatkuasa dan akan diakui sepanjang masa kejohanan.

2. PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut Undang-Undang dan Peraturan Am Pertandingan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan sukan ini.

3. JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan Antara Pasukan Universiti-Universiti Awam Malaysia dan universiti Jemputan MASUM.

4. PENDAFTARAN PERMAINAN/PEMBENTUKAN PASUKAN

4.1 Setiap pemain hanya dibenarkan mengambil bahagian dalam satu acara sahaja. Setiap universiti hanya dibenarkan mendaftar 1 (satu) penyertaan bagi setiap acara.

4.2 Sebanyak 12 acara akan dipertandingkan Acara-acara yang dipertandingkan adalah seperti berikut::-

4.2.1 Acara 500 m dan 1000 m.

- Touring Kayak single Seater (TK1) - Lelaki
- Touring Kayak double Seater (TK2) - Lelaki
- Touring Kayak single Seater (TK1) - Wanita
- Touring Kayak double Seater (TK2) - Wanita

4.2.2 Acara 500 m

- Kayak K1 (Lelaki/Wanita)
- Kayak K2 (Lelaki/Wanita)

4.3 Jumlah penyertaan lelaki ialah 9 orang dan penyertaan wanita juga 9 orang.

5. PERTUKARAN PEMAIN

Hanya pemain yang didaftarkan sahaja dibenarkan bertanding. Pertukaran pemain adalah tidak dibenarkan.

6. SISTEM PERTANDINGAN DAN CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN

6.1 Pertandingan akan dijalankan mengikut sistem heat, repechage / semifinal dan final.

6.2 Sekiranya perlumbaan bersih, pemain yang tiba dahulu digariskan penamat akan dikira sebagai pemenang.

6.3 Hal-hal akan dirujuk kepada Peraturan Am (9.0) MASUM

7. PERALATAN DAN PAKAIAN

7.1 Semua kayak akan disediakan oleh pengelola. Pasukan yang bertanding dibenar menggunakan kayak sendiri tetapi kayak tersebut hendaklah mengikut spesifikasi kayak pertandingan K1, K2, TK1 dan TK2 yang digunakan untuk pertandingan ini .

7.2 Peserta dibenarkan membawa paddle sendiri.

7.3 Pemakaian jaket keselamatan adalah diwajibkan, peserta dibenarkan membawa jaket keselamatan sendiri.

8. BANTAHAN/RAYUAN

Sila rujuk Peraturan Am Sukan MASUM(13 & 15) .

9. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Sila rujuk Peraturan Am (21.0) MASUM